

---

## SIARAN BERITA

# MyCC MENERBITKAN GARIS PANDUAN REJIM KELONGGARAN DAN PENALTI KEWANGAN

**KUALA LUMPUR, 16<sup>hb</sup> Oktober 2014** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah memuktamadkan dan telah menerbitkan garis panduan bagi Rejim Kelonggaran dan Penalti Kewangan selepas rundingan awam yang telah diadakan di seluruh negeri pada awal tahun ini. Dokumen-dokumen tersebut boleh didapati untuk bacaan serta muat turun di laman web MyCC, [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) mulai hari ini.

Kedua-dua garis panduan adalah berdasarkan rangka kerja berkanun Akta Persaingan 2010 (“Akta”). Garis panduan Regim Kelonggaran ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 41, yang membenarkan MyCC untuk memberi kadar penurunan sehingga maksimum 100 peratus bagi mana-mana penalti yang boleh dikenakan ke atas perusahaan yang membuat pelanggaran. Rejim Kelonggaran MyCC adalah bagi membantu perusahaan-perusahaan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti kartel untuk tampil kepada pihak MyCC dengan bukti-bukti kegiatan tersebut. Ia merupakan satu rangka kerja yang membolehkan pemberian imuniti atau pengurangan penalti kewangan kerana bekerjasama serta memberikan pendedahan penuh mengenai kegiatan kartel.

Garis Panduan Penalti Kewangan adalah berdasarkan Seksyen 17 dan Seksyen 40(1) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, yang memberikan kuasa yang meluas kepada MyCC untuk menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta tersebut dan satu kuasa khas bagi mengenakan penalti kewangan bagi apa-apa pelanggaran dibawah Akta. Jumlah penalti kewangan yang akan dikenakan adalah berdasarkan budi bicara pihak MyCC selagi ianya tidak melebihi kadar maksimum yang ditetapkan dibawah subseksyen 40(4), iaitu sepuluh peratus daripada perolehan di seluruh dunia perusahaan semasa dalam tempoh pelanggaran.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj, masyarakat awam diingatkan bahawa garis panduan ini bukanlah pengganti bagi Akta atau mana-mana peraturan dan ianya boleh disemak semula jika ada sebarang keperluan. Garis panduan ini merupakan rangka kerja yang memberikan gambaran jelas kepada perusahaan tentang bagaimana MyCC akan menginterpretasikan seksyen-seksyen relevan yang berkaitan dengan

kelonggaran dan penalti, MyCC juga menasihati supaya perusahaan-perusahaan menjalankan latihan penilaian sendiri perniagaan mengenai pengendalian, prosedur, pengurusan dan kawalan perniagaan mereka bagi mengelakkan sebarang pelanggaran serius dibawah Akta. Ketua Pegawai Eksekutif MyCC menegaskan bahawa semua perusahaan perlu mempunyai manual pematuhan persaingan serta latihan bagi pekerja-pekerja di semua peringkat, termasuk Ahli Lembaga Pengarah.

Bagi maklumat lanjut mengenai Garis Panduan Rejim Kelonggaran dan Penalti Kewangan, MyCC dan Akta Persaingan 2010, sila layari [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

---tamat---

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).